3633
MAHATHIR-ANGGOTA

1981

KUALA LUMPUR, 28 NOV. (BERNAMA)-DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI TELAH DIJADIKAN ANGGOTA KEHORMAT KESATUAN PERKHIDMATAN TEKNIK SEMENANJUNG MALAYSIA DI PERSIDANGAN PERWAKILAN DUA TAHUN SEKALI KESATUAN ITU YANG KE-16 DI SINI.

PERDANA MENTERI TELAH DIJADIKAN ANGGOTA KEHORMAT SEBAGAI MENGIKTIRAF USAH-USAHA BELIAU YANG TIDAK KENAL PENAT UNTUK MENINGGIKAN TARAF HIDUP RAKYAT TERMASUK KAKITANGAN KERAJAAN TERUTAMA PEKERJA-PEKERJA TEKNIK.

BELIAU ADALAH PERDANA MENTERI YANG KEDUA MENERIMA ANUGERAH ITU.

YANG PERTAMA IALAH ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK KERANA MENGIKTIRAF USAHANYA MENGGALAKAN SAINS DAN TEKNOLOGI DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERIMA SIJIL KEANGGOTAAN ITU YANG DI TULIS OLEH JABATAN UKOR DARI PRESIDEN KESATUAN ITU, ENCIK P. VANATHEGAN.

TURUT HADIR DIUPACARA ITU IALAH MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT DATUK RICHARD HO.-BERNAMA 2155/HM